

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KITAR SEMULA SEKOLAH
TADIKA DAN PENGUMPULAN BEKAS POLISTERINA
BERTEMPAT DI KONKUS MEGAMALL PINANG, JALAN BARU
22 APRIL 2014, 4:00 PETANG**

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Phee Booh Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang
dan Alam Sekitar

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, MPSP

Yang Berusaha Vdg Lion Ooi Chao Syhuan

Wakil Kelab Lion Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Zainal Abidin bin Ismail Alyamni

Pengerusi Syarikat Optotronic Semiconductors Sdn Bhd

Ketua-ketua Jabatan MPSP

Yang diraikan pelajar-pelajar dan guru-guru yang mengambil bahagian dalam Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Pelancaran Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika dan Pengumpulan Bekas Polisterina pada petang ini.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Majlis Pelancaran Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika Dan Pengumpulan Bekas Polisterina adalah anjuran bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan gabungan Kelab Lion yang berpusat di Seberang Perai. Kelab Lion telah menaja hadiah-hadiah berupa wang tunai dan streamer untuk dipamerkan di sekolah-sekolah tadika yang mengambil bahagian. Penyertaan dalam program ini dibuka kepada semua sekolah tadika swasta yang dilesenkan oleh Majlis

Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan sehingga kini, sebanyak 173 buah tadika telah dilesenkan di seluruh Seberang Perai iaitu 45 di SPU, 80 di SPT dan 48 di SPS.

Tujuan utama pelancaran anugerah ini diadakan adalah untuk memberi pengiktirafan kepada sekolah-sekolah tadika dalam program 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse, dan Recycle*. MPSP juga akan memberi latihan secara percuma kepada sekolah-sekolah tadika yang akan mengambil bahagian di dalam program ini. Satu kaedah latihan akan disediakan dan saya berharap guru-guru sekolah tadika yang lebih memahami tingkah laku kanak-kanak yang berumur diantara 5-6 tahun boleh membantu dalam penyediaan kaedah bengkel tersebut. Objektif MPSP di peringkat sekolah tadika adalah untuk pendidikan awal seperti pepatah “Jika hendak melentur buluh biarlah dari rebungunya”.

Hadirin sekalian,

Pada 20 Januari 2014 yang lalu, telah diadakan Majlis Perlancaran Anugerah Sekolah Hijau 2014 bertempat di Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin. Sehingga kini sebanyak 105 buah sekolah telah menghantar borang penyertaan iaitu 31 buah sekolah menengah dan 74 buah sekolah rendah. Terdapat peningkatan

sebanyak 19 buah sekolah berbanding tahun 2013, sebanyak 86 buah sekolah iaitu 27 buah sekolah menengah dan 59 buah sekolah rendah.

Untuk makluman hadirin semua, Pejabat Y.B. Tuan Soon Lip Chee, ADUN Jawi akan menganjurkan satu karnival kitar semula sekolah tadika pada 25 Mei ini, jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari bertempat di Gelanggang Bola Keranjang Taman Berjaya, Nibong Tebal. Sebanyak 9 buah sekolah tadika akan dijemput untuk sama-sama menyertai program ini.

Saya juga ingin memaklumkan di sini, dari bulan Januari hingga Mac 2014, sebanyak 101,652 ton sampah telah dihantar ke Tapak Pelupusan di Pulau Burung dimana kos untuk tipping sahaja adalah sebanyak RM2,053,370.40. Manakala jumlah kitar semula pula adalah sebanyak 56,264.436 ton dan bersamaan dengan penjimatan sebanyak RM1,136,541.60. Ini menunjukkan dengan mengamalkan kitar semula kita bukan sahaja dapat memelihara sumber alam tetapi kita juga dapat menjimatkan kos untuk pelupusan.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Selepas pelancaran anugerah ini sehingga bulan Ogos yang akan datang, MPSP akan menganjurkan bengkel untuk guru-guru, bermula dari sekolah tadika perpaduan. Saya berharap guru-guru dapat berhubung dengan pihak MPSP untuk menetapkan tarikh yang sesuai untuk menganjurkan bengkel tersebut. Saya percaya pendidikan alam sekitar terutamanya pengurusan sisa perbandaran adalah amat penting bagi generasi akan datang. Pendidikan ini seharusnya bermula daripada sekolah tadika diikuti sekolah rendah dan seterusnya sekolah menengah sekaligus dijadikan kurikulum sekolah pada masa akan datang.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Bagi Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika, kriteria yang ditetapkan ialah sekolah tadika perlu mengumpul barang kitar semula tidak kurang dari 300 kg mulai sekarang hingga akhir bulan Ogos bagi melayakkan penerimaan hadiah. Hadiah-hadiah akan akan diberi berasaskan per kapita sekolah dan juri akan melawat sekolah dalam bulan September 2014.

Hadiah-hadiah yang akan ditawarkan ialah Hadiah Cemerlang bagi 20 buah sekolah, yang mana bernilai RM 200.00 bagi satu sekolah dan 20

saguhati bernilai RM 100.00 disediakan bagi 20 buah sekolah. Kesimpulannya, sebanyak 40 buah sekolah akan menerima hadiah dalam program ini.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Bersempena dengan Pelancaran Kitar Semula Sekolah Tadika ini, Pelancaran Pengumpulan Bekas Polisterina juga turut diadakan. Kempen *No Polisterine* telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2010 dan dilaksanakan di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan. MPSP sangat menyokong kempen ini dimana pelbagai program dan usaha telah dibuat untuk membasmi penggunaan polisterina. Program ini dimulakan dengan peringkat pendidikan dan kesedaran terhadap risiko dan keburukkan akibat penggunaan polisterina sebagai bekas menyimpan makanan dan minuman. Arahan larangan penggunaan polisterina dilaksanakan melalui syarat-syarat Pelesenan tambahan yang diberikan kepada pemegang-pemegang lesen dan juga syarat sewaan ruang niaga MPSP. Disamping itu, MPSP juga telah menghantar Notis Larangan Penggunaan Polisterina kepada semua premis perniagaan yang terlibat di Seberang Perai. Semua penyewa gerai Majlis juga telah disyaratkan untuk tidak menggunakan polisterina.

Bagi menjayakan program Pengumpulan Bekas Polisterina, Syarikat Optotronic Semiconductors Sdn Bhd yang terletak di kawasan Perindustrian Bukit Minyak telah bersetuju melalui projek *Corporate Social Responsibilities (CSR)* untuk melawat ke kedai-kedai elektrik dan pusat-pusat kitar semula komuniti untuk mengumpul bekas polisterina alat-alat elektrik mengikut jadual yang disediakan.

Hadirin yang dimuliakan,

Jutaan terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Kelab Lion Seberang Perai, Vdg Lion Ooi Chao Syhuan yang bertindak selaku penaja bersama Program Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika kerana sudi menaja hadiah-hadiah dan sanggup bekerjasama dengan MPSP bagi program ini. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berharap Kelab Lion dapat terus menganjur dan menaja anugerah ini. Hal ini kerana, program seumpama ini mampu memberi impak positif terutama kepada masyarakat bagi mewujudkan kesedaran terhadap 4R, *Rethink, Reduce, Reuse, Recycle* dalam kehidupan seharian. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Syarikat Optotronic Semiconductors Sdn Bhd yang telah bersetuju untuk mengumpul bekas polisterina untuk dikitar semula.

Dengan ini, saya sudah dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.